

15/09/1997

Keputusan haramkan Harakah tepat

Rakyat Perhatian UIA

PERHIMPUNAN Agung Umno baru-baru ini banyak membahaskan isu semasa dan menyediakan resolusi bagi beberapa permasalahan terkini negara. Perhimpunan bersejarah itu menyediakan jawapan dan penjelasan yang sebenar mengenai beberapa kekeliruan yang cuba ditimbulkan oleh beberapa pihak. Perwakilan begitu prihatin dan bersemangat membahaskan usul mereka. Ini jelas menampakkan keikhlasan mereka di dalam perjuangan membela tanah air tercinta.

Dalam ucapan mengulungnya, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan mengharamkan penjualan akhbar Harakah secara terbuka kepada orang ramai dan peniaga yang menjual akhbar itu akan dikenakan tindakan.

Beliau menjelaskan kerajaan selama ini tidak mengambil tindakan ke atas syarikat terbabit walaupun ia dikatakan tidak mendapat kebenaran pihak berkuasa.

Beliau menjelaskan tindakan itu berdasarkan beberapa sebab tertentu. Di samping menjaga keamanan dan keharmonian negara, beliau menegaskan kerajaan tidak akan membiarkan akhbar atau bahan bercetak mana-mana parti politik dijual kepada orang ramai.

Bahan bercetak seumpama itu hanyalah untuk ahli kumpulan berkenaan saja.

Sudah pasti pembaca tetap akhbar Harakah kecewa namun kita perlu meneliti kebijaksanaan di sebalik keputusan kerajaan itu. Sebab utama kerajaan mengambil keputusan ini ialah kerana dipercayai akhbar itu selama ini menyebarkan dakyah atau berita palsu dan negatif yang berunsur menghasut rakyat untuk membenci dan menentang kerajaan.

Bahan penulisan di dalam akhbar itu seolah-olah ditulis hanya untuk mendedahkan keburukan dan kelemahan pihak kerajaan. Boleh dikatakan tiada ruangan yang menulis mengenai kejayaan serta kemajuan yang dinikmati, apatah lagi persefahaman antara kerajaan dan parti pembangkang.

Hampir semua penulis di dalam akhbar ini cuba memaparkan sesuatu keadaan dari perspektif yang negatif dan pesimistik.

Mereka menulis seolah-olah kerajaan berada di dalam kemunggaran dan bertentangan dengan ajaran Islam.

Jarang didapati ruangan yang memaparkan usaha kerajaan untuk menegakkan syiar Islam di negara ini.

Sebaliknya, pembaca disogokkan dengan hujah yang sangat meyakinkan bahawa kerajaan mengabaikan undang-undang dan ajaran Islam.

Malah, baru-baru ini akhbar itu cuba memutarbelitkan kenyataan Mufti Selangor yang menyatakan bahawa Perdana Menteri hampir murtad kerana tidak mempercayai ulama'. Namun, keadaan dapat dikawal dan beliau sendiri menafikan kenyataan akhbar terbabit.

Perkara seperti itu sangat serius dan membahayakan. Bayangkanlah jika rakyat terpengaruh dengan kenyataan akhbar itu dan terus melancarkan rusuhan atau serangan ke atas pihak kerajaan. Rakyat akan berpecah-belah.

Keamanan dan keharmonian negara yang dinikmati akan hancur.